

# Komitmen kerajaan perang rasuah pulih keyakinan pelabur

## Perdana Menteri turut tekankan kepentingan tarik pelaburan berimpak tinggi

**Kuala Lumpur:** Komitmen Kerajaan MADANI untuk memerangi rasuah yang sudah menjadi endemik, memulihkan keyakinan pelabur domestik dan asing dengan ketara, sekali gus membawa kepada peningkatan pelaburan baharu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, kebimbangan utama beliau dalam tempoh awal memegang jawatan tersebut ialah memulihkan reputasi negara, terutama berikutan skandal 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

"Dalam tempoh awal, semuanya mengenai perkara itu. Bagaimana untuk menangani isu? Bagaimana pula dengan tadbir urus? Bagaimana dengan apa yang mereka anggap rasuah yang sudah menjadi endemik, berdasarkan pengalaman 1MDB dan pelbagai skandal lain?"

"Misalnya, pemimpin terdahulu, apabila menjadi Menteri Kewangan atau Perdana Menteri, menjadi bilionair. Ini perlu dihentikan," katanya dalam temu bual bersama *CNBC*.

Anwar berkata, pelabur domestik dan asing mengiktiraf komitmen kerajaan dalam memerangi rasuah, walaupun ada pengkritik yang menganggapnya terlalu berlebihan.

"Tanpa kepercayaan dan keyakinan, orang tidak akan melabur dalam jumlah yang besar. Ini melainkan mereka mempunyai pengaturaturan rasuah dengan anda, mereka akan meneruskannya."

"Bagaimanapun, ini perlu dihentikan. Amalan itu sudah di-

hentikan, walaupun kami masih meneruskan misi ini (kerana) perjuangan menentang rasuah perlu dilaksanakan sepenuhnya," katanya.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, menekankan kepentingan menarik pelaburan berimpak tinggi, terutama dalam kecerdasan buatan (AI) dan semikonduktor.

Beliau mengakui, Malaysia sudah mencatatkan peningkatan pelaburan dalam pusat data disebabkan bekalan tenaga dan air yang mudah diakses, tetapi menekankan keperluan beralih tumpuan kepada teknologi yang lebih maju untuk meningkatkan status ekonomi negara.

"Nvidia, misalnya, menawarkan program yang maju untuk kecerdasan buatan, akan membolehkan kami mencapai tahap yang lebih tinggi," katanya.

Anwar turut menekankan keperluan kepada merapatkan ju-

rang kemahiran untuk menarik industri bernilai tinggi, dengan kerajaan menyasar untuk melahirkan 60,000 jurutera dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Universiti, kolej, politeknik serta institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) perlu bersedia dan berubah dengan mendapatkan institusi pendidikan formal ini untuk bekerjasama dengan sektor swasta," katanya, merujuk kepada syarikat seperti Infineon yang melatih jurutera untuk mencapai keperluan khusus mereka.

Perdana Menteri turut membayangkan Malaysia mungkin memerlukan pendekatan yang lebih fleksibel, berpotensi untuk mengambil jurutera dari negara jiran untuk merapatkan jurang kemahiran.

Beliau berkata, kerajaan komited dalam mencapai sasaran konsolidasi fiskal secara berperingkat dengan mengurangkan hutang negara, selain terus melabur

dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Katanya, Kerajaan MADANI mewarisi hutang sebanyak RM1.5 trilion, dengan defisit fiskal tahunan berkurangan kepada 5.0 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2023, turun daripada 5.6 peratus pada 2022.

"Defisit fiskal tahunan berkurangan secara berperingkat, (bersama-sama dengan) pinjaman, yang mencatatkan RM93 bilion pada 2023, dan (dengan sasaran) RM86 bilion pada tahun ini. Walaupun jumlah ini agak besar, ia masih belum mencukupi," katanya.

Anwar menegaskan walaupun kerajaan sudah menetapkan sasaran untuk mengurangkan defisit fiskal dan hutang negara, ia akan terus melabur dalam bidang seperti pendidikan, kesihatan awam dan infrastruktur untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

BERNAMA